



Anggota SISPA dan PISPA mencuba aktiviti di bawah kelolaan anggota JPAM pada Karnival SISPA dan PISPA di Universiti Malaysia Terengganu. [ FOTO NOOR AZNIDA ALIAS / BH ]

# Karnival integrasi uji kecekapan

» Anggota SISPA, PISPA mantapkan kemahiran, sedia berkhidmat untuk masyarakat



rana kita mahu membentuk lebih ramai anggota penyelamat di luar sana dalam kalangan mahasiswa yang dapat berkhidmat kepada masyarakat," katanya.

Bagi pegawai kadet Aswani Hamzah, 21, dari UNISZA, karnival itu menjadi platform baginya mengenali lebih ramai rakan SISPA dari IPT lain dan mereka dapat bertukar pengetahuan untuk menambah baik kemahiran masing-masing.

Beliau juga rasa bertuah kerana berpeluang menyertai pelbagai aktiviti mencabar dan benar-benar menguji kemahirannya.

**Aktiviti mencabar**

"Antara aktiviti paling mencabar antara lain ialah memandu kereta lebih fokus, berani dan peka dengan langkah keselamatan. Ini kali pertama saya mencubanya dan perasaan bercampur-baur antara takut serta teruja," katanya.

Berkongsi pandangan sama ialah rakannya, Nurul Jannah Harun, 21, yang berharap karnival itu diteruskan pada masa depan bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai kadet SISPA dan PISPA memimba pengetahuan dan pengalaman baharu.

"Pertandingan ikatan dan menyalaikan unggun api tanpa peralatan sesuai bagi menguji kemahiran serta kecekapan kita berfikir dalam situasi cemas dan spontan.

"Justeru, ia perlu diadakan setiap tahun bagi membolehkan kami meluaskan pergaulan dengan pelajar dari IPT lain dan mempraktikkan kemahiran yang dipelajari selama ini," katanya.



"Kita harap lebih ramai mahasiswa akan menyertai pasukan ini kerana kita mahu membentuk lebih ramai anggota penyelamat di luar sana dalam kalangan mahasiswa yang dapat berkhidmat kepada masyarakat"

Zaitun Ab Samad, Ketua Pengarah JPAM

Pegawai JPAM mengajar kemahiran menyalaikan api kepada anggota SISPA dan PISPA.

Oleh Noor Aznida Alias  
bhkt@bh.com.my

Karnival Integrasi Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA) dan Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) yang diadakan buat kali pertama sejak penubuhannya, baru-baru ini berjaya menghimpunkan seramai 160 pegawai kadet dan anggota kadet dari 16 institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh Terengganu.

Antara IPT yang mengambil bahagian adalah Universiti Teknologi MARA (UTM) Dungun, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Politeknik Sultan Mizan, Dungun dan Institut Perguruan Kampus Sultan Mizan serta Kolej Universiti TATI (Tatiue), Kemaman.

Walaupun program itu julung kali diadakan, karnival berlangsung meriah dengan pelbagai acara yang menguji tahap kecekapan anggota, terutama dalam memberi pertolongan cemas dan bantuan kepada mangsa yang memerlukan seperti



benar menguji kecekapan kadet. Ketua Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Datuk Zaitun Ab Samad yang juga wanita pertama dilantik mengetuai pasukan keselamatan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN)



diharap dapat mewujudkan budaya kerjasama, sekali gus mengeratkan silaturahim antara mereka supaya tidak hanya selesa berada dalam lingkungan sama memandangkan tugas anggota penyelamat bakal berhadapan dengan pelbagai lapisan masyarakat di luar sana.

